

RENCANA

Seramai 394 individu dan pertubuhan diberi Anugerah Sukarelawan dan Rakan Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga (MSF) dalam majlis dalam talian baru-baru ini. Anugerah itu mengiktiraf komitmen dan dedikasi sukarelawan dan rakan kerja yang berkhidmat dalam pelbagai bidang kementerian itu. **BERITA HARIAN** memaparkan dua daripada mereka.

Mahu buat lebih lagi walau 25 tahun jadi relawan

Pakar pendidikan keperluan khas antara penerima Anugerah Rakan MSF

► **NATASHA MUSTAFA**
nmustafa@sph.com.sg

MENDAPAT ilham daripada para profesornya yang menyumbang kembali kepada masyarakat di luar bidang kerjaya mereka, Profesor Madya Dr Sharifah Mariam Aljunied memutuskan melakukan perkara sama.

Di luar pekerjaannya sebagai profesor madya adjung di pejabat psikologi Universiti Nasional Singapura (NUS) dan pejabat penyelidikan pendidikan Universiti Teknologi Nanyang (NTU)/Institut Pendidikan Nasional (NIE), Dr Sharifah Mariam mendekati masyarakat dan memperjuangkan inklusiviti di Singapura.

Dengan pengetahuan dan kepakarannya dalam bidang kurang

upaya, kesihatan mental dan pendidikan keperluan khas, sumbangannya sangat penting dalam membentuk dasara dan amalan di Singapura.

Dr Sharifah Mariam antara 394 sukarelawan dan rakan kongsi yang diberi Anugerah Sukarelawan dan Rakan Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga (MSF), dalam majlis penyampaian yang diadakan dalam talian baru-baru ini.

Anugerah itu mengiktiraf dan memberi penghormatan bagi komitmen dan dedikasi sukarelawan dan rakan kerja yang berkhidmat dalam pelbagai bidang kementerian itu.

Dr Sharifah Mariam antara 44 penerima Anugerah Rakan MSF, yang diberi kepada sukarelawan



MAHU SETIAP ORANG KECAPAI HIDUP BERMUTU: Profesor Dr Sharifah Mariam Aljunied berharap usahanya turut mendorong orang lain menyumbang kembali kepada masyarakat, agar setiap orang dapat menikmati kehidupan bermutu tidak kira apa latar belakang atau kemampuannya. – Foto BH oleh LIM YAOHUI

atau pertubuhan yang memberi sumbangan besar kepada jawatankuasa atau projek di bawah bidang tugas kementerian itu.

Ketika dihubungi, Dr Sharifah Mariam, 53 tahun, berkata beliau menjadi sukarelawan kerana didorong semangat hendak membantu mereka yang memerlukan.

“Saya rasa apa yang saya lakukan bukan sesuatu yang unik. Ramai orang lain melakukan perkara seperti saya. Ada mungkin melakukan lebih daripada saya.”

“Bagi saya, saya berasa selama ini saya menerima lebih banyak daripada apa yang saya berikan.”

“Oleh itu, saya menerima pengiktirafan ini dengan penuh rendah hati,” katanya.

Walaupun sudah berkecimpung dalam bidang kesukarelawanan selama 25 tahun, beliau berasa masih banyak yang perlu dilakukan dan disumbang dari segi menawarkan pendidikan, sumber dan peluang kepada golongan memerlukan.

“Saya berasa setiap individu sepatutnya dapat menikmati kehidupan bermutu, tidak kira apa latar belakang atau kemampuannya.”

“Oleh itu, pendekatan inklusif amat penting untuk menyuburkan jiwa masyarakat bersikap ihsan dan rahmah. Kita perlu memastikan tidak ada orang tertinggal,” ujar Dr Sharifah Mariam, yang juga anggota Majlis Perkhidmatan Masyarakat Kebangsaan

(NCSS) dan Lembaga Semakan Anak Titipan MSF.

Bagi masa depan, beliau berharap usahanya turut mendorong orang lain menyumbang kembali kepada masyarakat.

“Saya mendapat ilham daripada guru-guru saya dulu, jadi saya juga berharap dapat meningkatkan kesedaran dalam diri orang lain untuk berkhidmat kepada masyarakat.”

“Ada orang mungkin menangguk hasrat berkhidmat kerana ingin memberi tumpuan pada kerjaya mereka, tetapi ini adalah masanya untuk melakukannya, terutamanya dalam tempoh mencabar ini, sedang golongan rentan memerlukan bantuan kita,” kata Dr Sharifah Mariam.

“Saya berasa setiap individu sepatutnya dapat menikmati kehidupan bermutu, tidak kira apa latar belakang atau kemampuannya. Oleh itu, pendekatan inklusif amat penting untuk menyuburkan jiwa masyarakat bersikap ihsan dan rahmah. Kita perlu memastikan tidak ada orang tertinggal... Ada orang mungkin menangguk hasrat berkhidmat kerana ingin memberi tumpuan pada kerjaya mereka, tetapi ini adalah masanya untuk melakukannya, terutamanya dalam tempoh mencabar ini, sedang golongan rentan memerlukan bantuan kita.”

– Profesor Madya Dr Sharifah Mariam Aljunied, penerima Anugerah Rakan MSF.



USAHA DIHARGAI

“Bersama-sama dengan rakan kerja saya di MSF (Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga), kami tidak dapat cukup melahirkan penghargaan kami kepada anda, relawan kami, karyawan dan rakan kongsi dalam sektor khidmat sosial kerana bekerjasama untuk memupuk dan membangunkan kehidupan. Terima kasih atas komitmen anda yang tidak berbelah bagi untuk berkhidmat bersama-sama dengan MSF bagi memperbaiki kehidupan ramai. Anda telah menyentuh begitu banyak jiwa menerusi kerja anda yang tidak kenal lelah.”

– Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohamad, Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga.